



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 3 /2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGGUNAAN MEL ELEKTRONIK (E-MAIL) KERAJAAN

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan bagi perhubungan secara elektronik untuk urusan-urusan rasmi Kerajaan adalah diterima pakai sebagai prosedur perhubungan sesama agensi Kerajaan dan dengan pihak swasta serta orang ramai.

Perhubungan melalui mel elektronik (e-mail) Kerajaan meluaskan lagi pilihan tatacara perhubungan sesama agensi Kerajaan, swasta dan orang ramai selain komunikasi melalui penghantaran surat, memorandum dan pengiriman faksimili (faks) sebagaimana yang disampaikan sebelum ini melalui Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 4/1985, 15/1987 dan 5/1996.

Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sehubungan itu, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan mengeluarkan manual bagi membantu memperkesakan kecekapan dan keselamatan kaedah ini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

"Cintai Keluarga dan Lindungi Mereka"

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]

Setiausaha Tetap

abdoh.salam@jpm.gov.bn

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: (3) JPM/SK/2012

Tarikh: 18 Rabiulawal 1433

11 Februari 2012